

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD**
 : **[PASIR PUTEH]**
TARIKH : **7 APRIL 2014 (ISNIN)**
SOALAN : **Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir**
 : **Puteh]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
 : **INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak
keperluan daging (lembu, kambing dan ayam) dalam
tahun 2013 dan 2014. Apakah usaha-usaha yang
dilakukan Kerajaan untuk memastikan keperluan ini
mencukupi tanpa mengimport dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Keperluan bagi daging lembu pada tahun 2013 adalah sebanyak 180,835 tan metrik, daging kambing sebanyak 26,990 tan metrik dan daging ayam sebanyak 1.373 juta tan metrik. Bagi tahun 2014 pula, keperluan daging lembu dianggarkan sebanyak 187,497 tan metrik, daging kambing sebanyak 28,432 tan metrik dan daging ayam sebanyak 1.462 juta tan metrik. Negara telah pun mencapai tahap sara diri (SSL) pengeluaran bagi daging ayam bulat sebanyak 106% tetapi Kerajaan perlu mengimport keratan daging ayam untuk kegunaan industri pemprosesan yang mana penghasilan keratan daging ayam dalam negara masih lagi belum mencukupi. Bagi pengeluaran daging lembu dan kambing dalam negara masih belum mencukupi dan keperluan ini perlu ditampung melalui pengimportan. Walau bagaimanapun, usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran daging ruminan dalam negara.

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan populasi pembiak melalui bantuan ternakan kepada usahawan ternak yang berpotensi dan berdaya maju;
- (ii) melaksanakan program pengeluaran ternakan secara integrasi di dalam kawasan perladangan kelapa sawit dan Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) serta penternakan secara fidlot di ladang satelit bagi meningkatkan pengeluaran daging; dan
- (iii) menggalakkan penternak meningkatkan produktiviti ladang ternakan dan mengurangkan kos pengeluaran melalui pelaksanaan amalan penternakan baik (*Good Animal Husbandry Practice - GAHP*).